



NEGERI SABAH

[KEW. 400-9/22-23/1]

Kementerian Kewangan,
28 Feb 2022

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Badan Berkanun Negeri

PEKELILING ANGGARAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN 2023

1. PENDAHULUAN

Tahun 2023 merupakan tahun ketiga Rancangan Malaysia Ke Dua belas (RMKe-12). Kerajaan Persekutuan amnya, dan Kerajaan Negeri Sabah khasnya beriltizam untuk mengekalkan serta mempertingkatkan momentum pelaksanaan program pembangunan dalam Negeri Sabah yang bertujuan untuk meletakkan ekonomi negeri kembali di atas landasan pertumbuhan potensi sebenar dalam tempoh RMKe-12, setelah negara kita berada dalam fasa pemulihan bagi menangani kesan-kesan penularan Pandemik Covid-19.

Selaras dengan usaha Kerajaan Persekutuan dalam pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (decent standard of living) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030, Kerajaan Negeri akan memberi fokus kepada usaha-usaha untuk merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar serta pengukuhkan faktor-faktor pembolehdaya (enablers).

2. TUJUAN

- 2.1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua Setiausaha Tetap Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Badan Berkanun Negeri mengenai penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sabah bagi Tahun 2023.
- 2.2. Dalam menyusun rancangan belanjawan bagi tahun 2023, Pegawai Pengawal hendaklah mengambilkira matlamat-matlamat dasar pembangunan seperti yang terkandung dalam dokumen-dokumen seperti berikut:
 - (i) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12: 2021 – 2025), bagi Program Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri; dan
 - (ii) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025: Prospek Ekonomi, Kerangka Keberhasilan Bersepadu Nasional serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan

3. STRATEGI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2023

- 3.1. Kerajaan Negeri telah merangka Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah RMKe-12 yang selari dengan Visi Jangka Panjang Negeri Sabah serta pelan pembangunan kerajaan semasa iaitu Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (Pelan SMJ) yang memberi keutamaan melalui usaha yang menjurus kepada sasaran untuk meningkatkan ekonomi negeri.
- 3.2. Pekeliling UPEN pada 3 Januari 2020 telah menterjemahkan hasrat Kerajaan Negeri Sabah tersebut dalam dokumen Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12: 2021 – 2025), bagi Program Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri yang menggariskan Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah pelaksanaan RMKe-12. Tumpuan utama Hala Tuju Strategik adalah agenda pembangunan yang merangkumi

semua sektor demi memperkuatkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kesejahteraan rakyat, mengimbangkan pembangunan wilayah, memperkasakan modal insan dan memastikan kemampuan alam sekitar.

- 3.3. Selaras dengan Hala Tuju Strategik Pembangunan Negeri di bawah RMKe-12, Teras Strategi Perbelanjaan Pembangunan 2023 akan berpandukan kepada strategi-strategi yang digariskan di bawah sektor-sektor berikut :-
- a. Sektor Pelancongan
 - b. Sektor Pertanian
 - c. Sektor Perindustrian
 - d. Sektor Infrastruktur dan Utiliti
 - e. Sektor Pembangunan Sosial
 - f. Sektor Pembangunan Luar Bandar
 - g. Sektor Modal Insan

4. PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PEMBANGUNAN TAHUN 2023

- 4.1. Semua Setiausaha Tetap selaku Pegawai Pengawal hendaklah memastikan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan disediakan mengikut garis panduan yang terdapat di dalam Pekeliling ini, khususnya Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12: 2021 – 2025), bagi Program Pembangunan Biayaan Kerajaan Negeri Sabah rujukan UPEN 600-2/1 (RMKe-12).
- 4.2. Selain itu, semua Setiausaha Tetap adalah diminta supaya berbincang dengan Yang Berhormat Menteri masing-masing dalam penyediaan Anggaran Pembangunan bagi tahun 2023.
- 4.3. Dalam memohon peruntukan pembangunan bagi tahun 2023 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan setiap projek pembangunan yang akan atau sedang dilaksanakan adalah projek-projek yang telah diluluskan di bawah RMKe-12 serta mestilah selaras dengan senarai dalam SPINS+. Dalam pada itu, pemilihan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan hendaklah berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti di Lampiran A.

- 4.4. Pegawai pengawal hendaklah memastikan bahawa projek-projek yang dikemukakan tidak bertindih dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi lain dari segi objektif, kumpulan sasar atau fungsi. Sehubungan itu mesyuarat koordinasi perlu dilakukan bagi projek-projek yang mungkin ada hubungkait dengan agensi pelaksana atau kementerian lain.

5. PELAKSANAAN PROJEK/PROGRAM PEMBANGUNAN

- 5.1. Dalam pelaksanaan program atau projek yang melibatkan pengambilan tanah, pembinaan jalanraya, pembinaan kemudahan awam dan perkhidmatan konsultan bagi penyediaan rekabentuk, Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk kepada jabatan-jabatan teknikal Negeri yang berkenaan seperti dan tidak terhad kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Negeri Sabah, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sabah, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah.
- 5.2. Kementerian/Jabatan dikehendaki merujuk projek masing-masing kepada Jabatan Teknikal yang berkenaan (seperti yang tersebut di 5.1) terlebih dahulu sebelum melantik perunding. Jika Jabatan Teknikal mengesahkan tidak berkemampuan melaksanakan projek berkenaan, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Jabatan Teknikal hendaklah memberi pengesahan kepada jabatan pelaksana dalam tempoh 7 hari mengenai perkara ini.
- 5.3. Kementerian/Jabatan juga adalah diingatkan untuk membentuk Jawatankuasa Pemandu Projek sepertimana yang dikehendaki dalam Surat Pekeliling Rujukan JPN.1800/1/2 bertarikh 3 Mac 1994 yang telahpun diedarkan kepada semua Kementerian/Jabatan. Jawatankuasa ini hendaklah mengawasi dan memberikan nasihat profesional dalam memastikan pelaksanaan sesuatu program dan projek berjalan lancar, teratur dan berprestasi tinggi.
- 5.4. Maklumat berkenaan tujuan, syarat-syarat rujukan dan keanggotaan Jawatankuasa Pemandu tersebut adalah seperti di Lampiran B.

6. PROSES PENGISIAN ANGGARAN PEMBANGUNAN NEGERI SABAH TAHUN 2023

- 6.1. Format Buku Belanjawan Pembangunan Tahun 2023 telah pun disediakan dan diedarkan bersama Pekeliling ini kepada setiap Kementerian/Jabatan. Sepertimana yang diamalkan pada tahun-tahun yang lalu, penyediaan cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 akan merangkumi proses pengisian format tersebut dan borang-borang lain yang berkenaan menggunakan Microsoft EXCEL dalam pemacu pena (pendrive) yang diedarkan dan perlu dikembalikan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.
- 6.2. Semua cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 hendaklah dibuat dengan melengkapkan maklumat/data dalam format Microsoft EXCEL secara luar talian (offline). Dalam format Microsoft EXCEL ini, semua kementerian / jabatan / agensi dikehendaki mengemaskini kolumn (6) (Anggaran Disemak Tahun 2022) sekiranya ada perubahan dan mengisi kolumn (10) (Kumpulan Wang Negeri), yang merupakan Jumlah Peruntukan yang dipohon. Maklumat dalam kolumn (7) (Anggaran / Siling [RMK12] 2021-2025) akan disemak / dilengkapkan / dikemaskini oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri sesuai dengan jumlah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri seperti Lampiran C.
- 6.3. Justifikasi serta keterangan yang terperinci bagi menyokong permohonan-permohonan yang dikemukakan adalah diperlukan, di mana ianya perlu meliputi:
 - (i) Senarai projek di bawah setiap Kod Program (dengan nilai projek masing-masing)
 - (ii) Matlamat / Strategi projek (menerangkan apa yang hendak dicapai):
 - (iii) Kos perbelanjaan yang terperinci (cost details) yang merangkumi rekabentuk, tanah, perkhidmatan perunding, penyelenggaraan, sumbangan modal elektrik serta air, infrastruktur sokongan dan sebagainya;
 - (iv) Keperluan tenaga manusia (manpower requirement);

- (v) Perbelanjaan kewangan yang terkini, rujuk format seperti di Lampiran D.

Justifikasi serta keterangan lanjut ini akan dipautkan (hyperlink) kepada projek-projek berkenaan di dalam pengisian tersebut. Bagi maksud tersebut semua dokumen hendaklah ditukarkan ke format PDF.

6.4. Projek Inisiatif Kewangan Swasta (PFI):

Semua projek PFI hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk tujuan penyelarasan.

6.5. Projek Pemberian Secara Langsung, Bayaran Balik, dan Pinjaman Persekutuan:

Semua projek yang diperuntukkan melalui pemberian secara langsung, bayaran balik, dan pinjaman Persekutuan hendaklah dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan untuk tujuan penyelarasan. Maklumat tersebut boleh dikemaskini dalam Lampiran C dan Lampiran D.

7. PENGISIAN DAN PENGHANTARAN ANGGARAN

- 7.1. Pengisian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hendaklah mengikut borang dan format yang disediakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.
- 7.2. Semua Pegawai Pengawal hendaklah menyiapkan pengisian dan mengemukakan segera dokumen Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Sabah Bagi Tahun 2023 tidak lewat daripada **03 Jun 2022 (Jumaat)**.

8. PERINGATAN

- 8.1. Dalam penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023, semua Pegawai Pengawal adalah dinasihatkan agar memastikan angka-angka disemak dengan teliti dan realistik. Di samping itu, keupayaan dan kapasiti pelaksanaan juga hendaklah diambilkira untuk memastikan peruntukan bagi tahun itu dapat dibelanjakan.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”



(DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M), FCPA, CPFA)
Setiausaha Tetap

Tarikh:

Sesalinan Kepada:

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.

Pengarah,
Unit Perancang Ekonomi Negeri,
Aras 19 & 20, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 Kota Kinabalu.

“SABAH MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

KRITERIA-KRITERIA PEMILIHAN PROJEK ANGGARAN PEMBANGUNAN NEGERI TAHUN 2023

Memberi keutamaan kepada:

- i. Program/projek sambungan, khususnya yang sedang dalam pelaksanaan dan terikat secara kontrak;

- ii. Program/projek tambahan yang kritikal kepentingannya atau diperlukan untuk melengkapkan atau menyokong program/projek sedia ada. Walau bagaimanapun, projek-projek baharu tersebut hendaklah merupakan projek-projek yang memenuhi kriteria berikut:
 - a. Telah melalui peringkat perancangan dan penyediaan awal iaitu spesifikasi teknikal dan kos terperinci sudah disediakan;
 - b. Kajian kemungkinan (jika berkaitan) sudah dibuat;
 - c. Daya maju sudah ditentukan; dan
 - d. Tapak sudah tersedia iaitu segala urusan pengambilan tanah telah diselesaikan sekiranya berkaitan.

- iii. Projek yang mendapat kelulusan khas Kerajaan;

- iv. Program/projek produktif yang menyumbang kepada pengukuhan kedudukan ekonomi negeri dan peningkatan pendapatan Kerajaan Negeri;

- v. Program/projek infrastruktur dan kemudahan awam yang pada masa sama melengkapkan pembangunan sektor-sektor pertumbuhan dan produktif;

- vi. Program/projek yang bertujuan melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan, mahir dan terlatih;

- vii. Program/projek pembasmian kemiskinan dan pembangunan luar bandar;
- viii. Program/projek yang menyumbang ke arah mentransformasikan ekonomi negeri kepada sebuah ekonomi berasaskan pengetahuan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemindahan dan penggunaan teknologi baru dan moden, automasi serta proses kerja yang inovatif;
- ix. Program/projek alam sekitar yang menyumbang kepada pembangunan berkekalan.
- x. Program/projek yang menyokong pelaksanaan agenda pembangunan spesifik Kerajaan semasa iaitu:
- Penjimatan kepada kewangan Kerajaan khususnya skop kerja-kerja yang berpatutan;
 - Pencegahan penghapusan pembalakan haram;
 - Pembasmian kegiatan mengebom ikan;
 - Usaha menangani masalah pendatang tanpa izin;
 - Pembangunan yang menjurus kepada peningkatan ekonomi negeri.
- xi. Program/projek yang banyak menggunakan produk keluaran tempatan;
- xii. Program/projek dimana langkah-langkah tertentu telah diambil untuk mengawal dan mengurangkan kos kerja-kerja pelaksanaan;
- xiii. Program/projek yang boleh dilaksanakan secara berperingkat bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan; dan
- xiv. Program/projek yang boleh dikongsi bersama oleh jabatan/agensi berhampiran atau dalam satu kawasan seperti kemudahan dan bangunan.

LAMPIRAN B

JAWATANKUASA PEMANDU PROJEK

1. Tujuan

Tujuan asas penubuhan Jawatankuasa Pemandu Projek ialah untuk membantu jabatan pelaksana menyelaras dan menjalankan pelaksanaan sesuatu projek. Selain daripada memastikan projek berjalan lancar seperti yang dijadualkan, Jawatankuasa Pemandu juga dapat memainkan peranan dalam pengawalan kos dan belanjawan yang disediakan.

2. Pengelasan Projek-Projek Yang Dipantau

Projek-projek pembangunan yang dibiayai terus oleh Kerajaan harus dikawal dan dipandu. Projek-projek yang memerlukan pembentukan sebuah Jawatankuasa Pemandu adalah terbahagi kepada dua kategori, iaitu:

- (a) Projek-projek Infrastruktur/Prasarana yang melibatkan kos lebih daripada RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta). Sebagai contoh: Projek-projek jalan raya, saluran najis, saluran bandar, bangunan kerajaan dan bekalan air yang ditenderkan.
- (b) Projek-Projek Sosial yang melibatkan kos lebih daripada RM3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta). Sebagai contoh: Projek-projek kompleks sukan, pusat kebudayaan, perpustakaan, rumah orang tua dan dewan serbaguna.

3. Syarat-syarat Rujukan Jawatankuasa Pemandu

- (a) Memantau perkembangan dan perjalanan projek yang dilaksanakan;
- (b) Mendengar dan mengenalpasti isu-isu dan masalah-masalah di sepanjang tempoh pelaksanaan projek;
- (c) Membantu menyelaras dan menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah yang dikenalpasti;
- (d) Memastikan peruntukan kewangan yang diluluskan bagi sesuatu projek digunakan secara berkesan dan teratur mengikut tatacara yang sedia ada;

- (e) Membantu dalam mengawal kenaikan kos projek;
- (f) Mengkaji dan mempertimbangkan permohonan bagi mengubahsuai keperluan pelaksanaan projek (variation order) yang diperakuan melalui jabatan pelaksana;
- (g) Mengkaji dan mempertimbangkan hal-hal lain yang berkaitan dengan pelaksanaan projek.

4. Keanggotaan Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu mestilah dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab mengendalikan projek berkenaan. Anggota-anggota boleh dilantik daripada Kementerian/Jabatan lain yang mempunyai kepentingan, termasuk wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Jika sesuatu projek dilaksanakan dengan menggunakan perkhidmatan juruperunding, wakil juruperunding tersebut juga harus dilantik sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pemandu.

Berikut diberikan dua kemungkinan contoh keahlian Jawatankuasa Pemandu bagi dua buah projek.

Contoh I

Jawatankuasa Pemandu Bagi Projek Jalan Raya Ranau — Tambunan

| | | | |
|----|-------------------------------|---|------------------|
| 1. | Kementerian Kerja Raya | - | Pengerusi |
| 2. | Jabatan Kerja Raya | - | Ahli/Sekretariat |
| 3. | Kementerian Kewangan | - | 'Co-opted' |
| 4. | Unit Perancang Ekonomi Negeri | - | Ahli |
| 5. | Jabatan Tanah dan Ukur | - | Ahli |
| 6. | Pejabat Daerah Ranau | - | Ahli |
| 7. | Pejabat Daerah Tambunan | - | Ahli |
| 8. | Wakil Juruperunding | | Ahli |

Contoh II

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek Kompleks Sukan Sandakan

| | | | |
|----|-------------------------------|---|------------------|
| 1. | Kementerian Belia dan Sukan | - | Pengerusi |
| 2. | Lembaga Sukan | - | Ahli/Sekretariat |
| 3. | Kementerian Kewangan | - | 'Co-opted' |
| 4. | Unit Perancang Ekonomi Negeri | - | Ahli |
| S. | Jabatan Tanah dan Ukur | - | Ahli |
| 6. | Majlis Perbandaran Sandakan | - | Ahli |
| 7. | Jabatan Air | - | Ahli |
| 8. | Wakil Juruperunding | - | Ahli |
| 9. | Jabatan Kerja Raya | - | Ahli |

5. Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Untuk keberkesanan, setiap Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan harus bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan dan tidak kurang dari sekali dalam dua bulan.

6. Tempat Bermesyuarat Jawatankuasa Pemandu

Tempat bermesyuarat bagi Jawatankuasa Pemandu akan ditentukan melalui budibicara Pengerusi.

7. Lawatan Ke Projek

Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu perlu membuat lawatan ke projek yang dipandu dari semasa ke semasa untuk mendapatkan gambaran yang mutakhir tentang perkembangan projek. Kekerapan membuat lawatan ke projek akan ditentukan mengikut keadaan dan keperluan sesuatu projek melalui persetujuan bersama oleh ahli-ahli.

Wakil juruperunding dan wakil kontraktor juga patut hadir bersama ke lawatan projek untuk memberi taklimat dan penjelasan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu jika diperlukan.

8. Pembubaran Jawatankuasa Pemandu

Jawatankuasa Pemandu boleh dibubarkan setelah projek yang dipandu mencapai tahap penyiapan. Walau bagaimanapun, khidmat dan nasihat ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu selalunya masih diperlukan untuk menangani dan menyelesaikan perkara-perkara yang tergantung setelah projek berkenaan disiapkan. Dalam hal ini, tarikh pembubaran Jawatankuasa Pemandu tersebut akan ditentukan mengikut arahan Kementerian/Jabatan pelaksana.

9. Jawatankuasa Teknikal

Selain daripada Jawatankuasa Pemandu, jabatan pelaksana juga digalakkan untuk mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Teknikal bagi projek-projek tertentu yang bertujuan untuk mengkaji, membincang dan menyelesaikan masalah-masalah yang bersifat teknikal. Jawatankuasa Teknikal, biasanya dipengerusikan oleh Jabatan Pelaksana atau jabatan yang mengendalikan projek bagi pihak jabatan lain seperti Jabatan Kerja Raya. Ahli-ahli Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek. Jawatankuasa Teknikal perlu mengadakan mesyuarat lebih kerap dan segala keputusan perbincangan akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu.

CONTOH**KEPALA D. 39 - KEMENTERIAN KERJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN - (samb.)**

| PERBELANJAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS | | | | | | |
|---|--|------------------------------------|-----------------------------------|------------------------------|--------------------------|---|
| | | | Anggaran Perbelanjaan Tahun 2023 | | | |
| Pecahan Kepala (Bil. Kod) | Tajuk | Anggaran Perbelanjaan 2016-2020 | Perbelanjaan Sebenar 2016-2020 | Perbelanjaan Sebenar 2021 | Anggaran Disemak 2022 | Anggaran Siling (RMK12) 2021-2025 NEGERI |
| (1) | (2) | (3) RM | (4) RM | (5) RM | (6) RM | (7) RM |
| D39 0300 KOD PROJEK (PROJECT CODE) | JABATAN HAL EHWAJ ANAK NEGERISABAH | | | | | |
| 0001 | Pembinaan Mahkamah Anak Negeri Baharu | | | | | |
| | 1.1 Projek A. | | | | 6,000,000 | |
| | 1.1.1 Projek A. | | | | 1,500,000 | |
| | 1.1.2 Projek B | | | | 1,500,000 | |
| | 1.1.3 Projek C | | | | 1,500,000 | |
| | JUMLAH JABATAN HAL EHWAJ ANAK NEGERI SABAH | | | | 6,000,000 | |
| | JUMLAH PEMBANGUNAN UNTUK | | | | | |
| | KEMENTERIAN KERJAAN TEMPATAN | | | | | |
| | DAN PERUMAHAN | ... | ... | ... | ... | ... |
| | RINGKASAN: | | | | | |
| | PERBELANJAAN BIASA PEMBANGUNAN | | | | | |
| | (KUMPULAN WANG NEGERI) (PINJAMAN PERSEKUTU) | | | | | |
| | (BAYARAN BALIK PERSEKUTUAN) | | | | | |
| | JUMLAH PEMBANGUNAN UNTUK KEMENTERIAN KERJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN (TOTAL DEVELOPMENT FOR MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING | | | | | |

RM

RINGKASAN:
PERBELANJAAN BIASA
PEMBANGUNAN(KUMPULAN WANG NEGERI)
(PINJAMAN PERSEKUTU)

(BAYARAN BALIK PERSEKUTU)

JUMLAH PEMBANGUNAN UNTUK KEMENTERIAN KERJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(TOTAL DEVELOPMENT FOR MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING...
...
...
...

NEGERI SABAH
RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS, (2021 – 2025)
PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI/BADAN BERKANUN
(PROGRAM/PROJEK PEMBIAYAAN KERAJAAN NEGERI)

Nama Kementerian Negeri:

| Bil | Nama Jabatan/Agenси/Badan Berkанun Negeri | Siling/ RMK12 (RM) | Tahun 2016 - 2019 | | Tahun 2020 | | Tahun 2021 | | Tahun 2022 | | Tahun 2023 | |
|-----|---|--------------------------|----------------------------|---------------------------|----------------------------|---------------------------|----------------------------|---------------------------|----------------------------|---------------------------|----------------------------|---------------------------|
| | | | Peruntukan Diluluskan (RM) | Perbelanjaan Sebenar (RM) |
| (1) | (2) | (3) | (4) | (5) | (6) | (7) | (8) | (9) | (10) | (11) | (12) | (13) |
| | Kod Projek/Tajuk | Jumlah: | | | | | | | | | | |

Nota: Kolumn 2 merujuk kepada Kod Projek/Tajuk seperti dalam Buku Belanjawan Tahunan dan Perincian projek-projek dimana perlu, dan

Kolumn 3 merujuk kepada jumlah Peruntukan Siling RMK12 yang diluluskan bagi setiap Pecahan Kepala Pembangunan dan projek dibawah pecahan tersebut.